

**Pameran Koleksi Tunku Abdul Rahman Kini Di Melaka
Bernama
08 Disember, 2011**

MELAKA, 8 Dis (Bernama) -- Pameran bergerak Koleksi Khas Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj kini berada di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan di sini sehingga 31 Dis ini.

Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara, Daresah Ismail, berkata pameran yang bertemakan 'Tunku Dalam Kenangan' itu membolehkan rakyat terutamanya generasi muda mengenali lebih dekat Perdana Menteri yang pertama itu.

"Almarhum Tunku Abdul Rahman adalah negarawan yang diberi gelaran Bapa Kemerdekaan, jadi pameran ini bertujuan menjangkau ke satu dimensi di mana pelawat dapat mengenang kembali kecemerlangan era pentadbirannya," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata antara koleksi yang menarik ialah dokumen dan artifak yang telah ditemui dari peti besi berkunci yang pernah digunakan oleh Tunku Abdul Rahman semasa menjadi Perdana Menteri dan ianya tidak pernah dibuka oleh Jabatan Arkib Negara sepanjang ia dipamerkan selama 20 tahun di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra.

Daresah berkata peti besi itu mengandungi 46 artifak berharga yang disimpan dalam tujuh kotak kecil dan satu kotak besar.

Sebahagian besar adalah cenderamata diperbuat daripada emas yang diterima oleh Tunku Abdul Rahman sepanjang perkhidmatannya.

Antara artifak yang ditemui adalah seutas jam tangan, wang syiling, kunci, gunting, pen dan butang baju Melayu.

Pameran itu juga telah diadakan di beberapa negeri lain.

"Selepas ini kami berhasrat untuk mengadakan pameran ini di Sarawak," kata Daresah.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=632895>